



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

PEMAKLUMAN MENGENAI SERAHAN DOKUMEN PERJANJIAN BAGI PROGRAM IJAZAH DALAM NEGARA (PIDN) DAN PROGRAM DERMASISWA B40 TAHUN 2020

Saudara/i,

1. Seperti yang saudara/i sedia maklum, tarikh pemilihan pusat serahan dokumen telah dibuka pada 2 – 4 September 2020. **Bagi mana-mana pelajar yang belum membuat pilihan pusat serahan, pelajar boleh hadir terus ke pusat serahan berhampiran dengan pelajar seperti tarikh dalam jadual di lampiran.**
2. **BARU** Sila patuhi arahan berikut:
 - a. **Berpakaian kemas dan sopan** dan hadir mengikut masa dan tempat yang telah ditetapkan dalam surat tawaran.
 - b. Pastikan **dokumen telah dilengkapkan**. Jabatan ini tidak akan bertanggungjawab bagi mana-mana pelajar yang ditolak dokumen oleh wakil JPA kerana tidak lengkap atau terdapat masalah-masalah tertentu.
 - c. Muat turun **aplikasi MySejahtera**.
 - d. Hanya pelajar/wakil yang mempunyai **risiko yang rendah** (seperti yang tertera dalam aplikasi MySejahtera) dibenarkan hadir.
 - e. Tunjukkan **surat tawaran JPA** sebagai rujukan pasukan keselamatan di pintu masuk universiti berkenaan.
 - f. Sila **hadir terus ke lokasi yang ditetapkan** tanpa singgah di mana-mana fasiliti lain di universiti berkenaan.
 - g. Hanya **seorang** pelajar / wakil **sahaja dibenarkan masuk** pusat serahan.
 - h. Sila **imbas QR Code MySejahtera** di luar pusat serahan.

- i. Saringan suhu akan dijalankan dan pelajar yang mempunyai suhu 37.5 dan ke atas tidak dibenarkan.
- j. **Memakai pelitup muka** (*face mask*) dan **membawa *hand sanitizer***.
- k. Pastikan **penjarakan fizikal** sekurang-kurangnya 1 meter
- l. Setelah semua urusan selesai, pelajar dinasihatkan untuk terus meninggalkan perkarangan universiti berkenaan.
- m. Sila rujuk SOP Am Pelaksanaan Majlis Kerajaan Dan Swasta : <https://asset.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2020/08/SOP-Majlis-Rasmi-Kerajaan-dan-Swasta-dikemaskini-pada-6-Ogos-2020.pdf>

Sekian, terima kasih.

BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
11 SEPTEMBER 2020



BERTAMBAH MUTU برتعب و موتو

TARIKH DAN LOKASI
PROGRAM PEMURNIAN TERUS DOKUMEN PERJANJIAN DAN SLIP
PENGESAHAN PERJANJIAN (PROMISE) DI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI (IPT)
BAGI TAWARAN BAHARU PENAJAAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)
DI BAWAH PROGRAM IJAZAH DALAM NEGARA (PIDN) DAN PROGRAM
DERMASISWA B40 TAHUN 2020

BIL	PUSAT PROMISE	TARIKH
1	Universiti Utara Malaysia 06010 Sintok, Kedah Lokasi: Dewan Tan Sri Othman (DTSO)	13-15 September 2020 BARU DITUNDA ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan
2	Universiti Sains Malaysia Kampus Kejuruteraan, 14300, Nibong Tebal Pulau Pinang Lokasi: Pusat Pembangunan Siswa (PUMA)	13-15 September 2020
3	Universiti Tenaga Nasional Sultan Haji Ahmad Shah Campus (KSHAS) Wisma Sultan Haji Ahmad Shah 26700 Muadzam Shah, Pahang Lokasi: Dewan Millenium Lestari (DML) UNITEN KSHAS	13 September 2020
4	Universiti Malaysia Kelantan 16300 Bachok, Kelantan Lokasi: Dewan Tuanku Canselor	13-15 September 2020
5	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Jalan Sultan Ahmad Shah, Bandar Indera Mahkota, 25200 Kuantan, Pahang Lokasi: Grand Hall, Office of the Campus Director	14-15 September 2020

BIL	PUSAT PROMISE	TARIKH
6	Universiti Malaysia Sabah Jalan UMS, 88400, Kota Kinabalu, Sabah Lokasi: Dewan Auditorium Pascasiswazah	17-18 September 2020
7	Universiti Malaysia Sarawak 94300 Kota Samarahan Sarawak Lokasi: Dewan Delima DeTAR PUTRA	17-18 September 2020
8	Multimedia University (MMU) Jalan Ayer Keroh Lama, 75450 Bukit Beruang, Melaka Lokasi: MEMR0001- Main Hall	21-23 September 2020
9	Universiti Malaysia Terengganu 21030 Kuala Terengganu, Terengganu Lokasi: Dewan Sultan Mizan	21-23 September 2020
10	Universiti Teknologi Malaysia Sultan Ibrahim Chancellery Building, 81310 Johor Bahru, Johor Lokasi: Dewan Kuliah 7, Bangunan N24	21-23 September 2020
11	Universiti Teknologi MARA Kampus Seremban Persiaran Seremban Tiga/1, 70300 Seremban 3, Negeri Sembilan Lokasi: TPSU 1 & 2, Pusat Kegiatan Pelajar (PKP)	21-23 September 2020
12	Politeknik Ungku Omar Jalan Raja Musa Mahadi 31400 Ipoh, Perak Lokasi: Dewan Jubli	22-24 September 2020

BIL	PUSAT PROMISE	TARIKH
13	Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur Lokasi: Dewan 1, Bangunan Peperiksaan	28-30 September 2020
14	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Jalan Gombak, 53100, Selangor Lokasi: Main Auditorium (Block E3) Kulliyah of Engineering	28-30 September 2020
15	Universiti Teknologi MARA 40450 Shah Alam, Selangor Lokasi: Dewan Platinum Kolej Melati	28-30 September 2020
16	Universiti Tenaga Nasional Kampus Putrajaya Jalan IKRAM-UNITEN 43000 Kajang, Selangor Lokasi: Dewan Kuliah 1 (DK1), College Of Computing & Informatics, UNITEN	28 September 2020
17	Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor BARU Lokasi: Dewan Tun Abdullah Mohd Salleh	28-30 September 2020
18	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) 86400 Parit Raja Batu Pahat Johor Lokasi: Dewan Kuliah A Blok G3	28-30 September 2020

PROSES PEMURNIAN TERUS DOKUMEN PERJANJIAN DAN SLIP PENGESAHAN PERJANJIAN (PROMISE) JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA) TAHUN 2020

